

RM33.6 juta tukar 56 lif lima PPR

Kerja dilaksana DBKL secara berperingkat dijangka siap tahun hadapan

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Puchong: Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukkan RM33.6 juta kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi tujuan penyelenggaraan dan penggantian lif bagi lima kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar ibu kota.

ia membabitkan PPR Bukit Jalil, Perumahan Awam Desa Rejang, Perumahan Awam Seri Pangkor 1, Perumahan Seri Pangkor 2 dan Perumahan Awam Seri Seri Terengganu.

Menterinya, Nga Kor Ming, berkata peruntukan disalurkan itu untuk membantu penggantian 56 lif membabitkan 19 blok pe-

rumahan berkenaan.

“Kerja-kerja itu akan dimulakan DBKL tahun ini dan dijangka akan siap secara berperingkat sehingga tahun hadapan.

“Penyelenggaraan dan penggantian lif ini dijangka akan memberi manfaat kepada 9,274 keluarga penghuni PPR terabit,” katanya ketika berucap pada program Penyerahan Peruntukan bagi Inisiatif Belanjawan Madani 2023: Penyelenggaraan Lif untuk PPR di PPR Seri Malaysia, Taman Desa Petaling di sini, semalam.

Program itu turut dihadiri Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh dan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara (JPN), Datuk N Jayaselan.

Peruntukan ditambah

Kor Ming memberi jaminan, sekiranya DBKL menunjukkan prestasi yang baik dalam kerja menggantikan lif berkenaan, peruntukkan pada tahun hadapan akan ditambah lagi.

Pada majlis itu, Kor Ming turut melancarkan enam lif yang di-



Kor Ming menyerahkan replika cek kepada Kamarulzaman (kiri) sambil diperhatikan Dr Wan Azizah ketika Majlis Penyerahan Peruntukan Bagi Inisiatif Belanjawan Madani 2023: Penyelenggaraan Lif di PPR Seri Malaysia, Taman Desa Petaling, semalam.
(Foto Azhar Ramli/BH)

gantikan di Blok A dan Blok B, PPR Seri Malaysia.

“Sebanyak RM3.28 juta telah diperuntukkan kepada DBKL untuk menggantikan enam lif ini. Penggantian dan penyelenggaraan ini juga adalah keperluan

yang ditunggu penghuni PPR ini kerana lif yang sedia ada sudah berusia 19 tahun,” katanya.

Beliau berkata, KPKT menerusi agensi, URBANICE Malaysia turut mentransformasikan ruang komuniti di Blok B di PPR

Seri Malaysia.

“Ruang Komuniti ini berkonsepkan ‘Social Integration at Common Space’ yang diharapkan dapat mencetuskan aktiviti sosial yang baik dan dapat membina hubungan komuniti yang sihat dan kukuh.

“Blok A juga akan mendapat kemudahan sama dan saya akan melakukan lawatan mengejut selepas ia siap. Saya tidak mahu ruang ini dijadikan tempat meletakkan motosikal.

“Saya mengharapkan penduduk untuk sama-sama menjaga kemudahan ini kerana ia adalah tanggungjawab bersama,” katanya.

Beliau turut mengingatkan penduduk untuk menjaga kebersihan supaya virus seperti chikungunya, demam denggi dan Zika tidak merebak.

Beliau berkata, pihaknya menyasar bermula pada tahun ini, 100 lif di kawasan PPR dapat digantikan.

“Dalam masa lima tahun kami sasarkan 500 lif untuk digantikan di semua kawasan PPR kos rendah dan sederhana.

“Saya jangka 750,000 penduduk akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini,” katanya.